



MAJLIS DAERAH BALING

09100 BALING, KEDAH DARUL AMAN
TEL: (04) - 4701800 FAX (04) - 4701580

(IKLAN JAWATAN KOSONG)

Adalah dimaklumkan bahawa permohonan dipelawa daripada Warganegara Malaysia (Tinggal Di Negeri Kedah) yang berkelayakan bagi mengisi kekosongan jawatan di Pejabat Majlis Daerah Baling seperti berikut:-

JAWATAN : PENOLONG ARKITEK LANDSKAP

KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEJURUTERAAN

KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA

GRED JAWATAN : JA29

JADUAL GAJI :

GRED GAJI	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN	JUMLAH JAWATAN
JA29	RM1,549.00	RM5,701.00	RM145.00	1

SYARAT LANTIKAN : 1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) (i) Sijil dalam bidang teknologi landskap yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Kelayakan lantikan untuk kegunaan di Pihak Berkuasa Tempatan)

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29:RM1,549.00); atau

- (ii) Sijil dalam bidang perancang bandar, kejuruteraan awam(seni bina) atau seni bina yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29:RM1,549.00); atau

- (iii) Diploma dalam bidang seni bina landskap yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred JA29:RM1,935.02).

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

TARAF JAWATAN : KONTRAK

DESKRIPSI TUGAS :

- Bertanggungjawab melaksanakan kerja-kerja lapangan, surihan, penyediaan lukisan ilustrasi, penyediaan pelan dan dokumentasi, pemantauan, pemuliharaan landskap, penyelidikan dan pengurusan.
- Melaksanakan kerja-kerja pengumpulan maklumat untuk perancangan dan reka bentuk projek pembangunan landskap.
- Menyediakan cadangan reka bentuk, pelan-pelan konsep dan laporan cadangan kos projek-projek pembangunan landskap.
- Melaksanakan pembinaan projek pembangunan landskap dan menyedia program pembangunan rekreasi.
- Melaksanakan kerja-kerja pemantauan penggunaan dan penguatkuasaan dasar, akta, garis panduan dan peraturan berhubung dengan landskap.